

16/12/2008 (Selasa)

Sentral: Projek rentas Bukit Putus, kampus UiTM diteruskan

Oleh Hussain Said bhnews@bharian.com.my

Kegawatan ekonomi tak jejas 2 pembinaan kos RM260j

KUALA PILAH: Kerja membina jalan baru di daerah ini merentangi Jalan Bukit Putus dan kampus Universiti Teknologi Mara (UiTM), bernilai kira-kira RM260 juta tidak akan ditangguhkan walaupun keadaan ekonomi tidak menentu ketika ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen Kuala Pilah, Datuk Hasan Malek, berkata kedua-dua projek yang sedang rancak dijalankan itu akan tetap diteruskan sehingga ia siap sepenuhnya. "Saya beri jaminan kerja kedua-dua projek itu tidak akan ditangguhkan, ia akan diteruskan sehingga siap sepenuhnya. Apatah lagi, kedua-dua projek ini sudah lama tertangguh.

"Jaminan ini juga sebagai membalas kepercayaan penduduk di daerah ini yang terus mengundi dan memilih calon Barisan Nasional (BN) di semua lima kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen pada pilihan raya umum lalu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Bersama Rakyat di Kampung Air Putih di Jemapoh, Juasseh, dekat sini, semalam.

Hasan yakin apabila kedua-dua projek itu disiapkan ia mampu menjadi pemangkin kepada perubahan pembangunan landskap dan pertumbuhan ekonomi daerah itu, sekali gus memberi manfaat kepada penduduk. Selain dua projek itu, katanya, kerajaan juga bercadang melaksanakan pelbagai projek lain seperti memperluaskan jalinan lebuh raya baru yang akan disambung sehingga ke Temerloh dan pembukaan sebuah kem tentera di Senaling serta pembinaan kolej jururawat baru.

Selepas beberapa kali tertangguh, pembinaan kampus tetap UiTM berharga RM150 juta di Kampung Beting, Parit Tinggi, dimulakan dengan majlis perasmian pecah tanah disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pertengahan tahun lalu. Projek yang dijangka siap awal 2009 itu boleh menempatkan sehingga 2,000 pelajar dengan kursus perintis Sains Gunaan, sekali gus menggantikan kampus sementara di Jalan Melang, dekat sini. Projek membina jalan baru bernilai RM110 juta merentangi Jalan Bukit Putus yang tertangguh hampir dua dekad pula dijadualkan siap Mei tahun depan.

17/12/2008 (Rabu)

Timur: Agropolitan RM220j dalam ECE dilaksana Februari

Oleh Khairul Anuar Abdul Samad krull@bharian.com.my

KOTA BHARU: Projek agropolitan dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) di Kelantan akan mula dilaksanakan menjelang Februari depan dengan membabitkan peruntukan sebanyak RM220 juta. Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri (MTPN) Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata projek agropolitan ini merangkumi dua komponen iaitu di Selatan Kelantan membabitkan kawasan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar), manakala di utara melihat penyertaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada). Katanya, melalui pelaksanaan projek agropolitan fasa 1A itu di kawasan Kesedar, ia di jangka memberi manfaat kepada lebih 1,000 peserta Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT).

"Projek agropolitan ini adalah satu projek besar dan dilihat sebagai satu landasan ke arah memajukan pembangunan ekonomi kawasan Pantai Timur terutama Kelantan selain meningkatkan taraf ekonomi penduduk miskin. "Kelantan akan memulakan projek itu Februari depan di kawasan Kesedar dengan penyertaan lebih 1,000 peserta PPRT dan di jangka membabitkan peruntukan sebanyak RM220 juta," katanya.

Inisiatif agropolitan di Kelantan yang termasuk dalam ECER adalah pembangunan secara menyeluruh ke arah meningkatkan taraf hidup penduduk miskin negeri ini, terutama dalam kawasan Kada dan Kesedar dengan masing-masing menerima peruntukan RM58 juta dan RM90 juta. Projek agropolitan yang keseluruhannya membabitkan peruntukan RM148 juta itu, berusaha membantu kira-kira 9,000 penduduk miskin, termasuk 4,000 daripadanya tergolong dalam miskin tegar. Dua agensi Kerajaan Persekutuan iaitu Kada dan Kesedar terbabit membantu golongan miskin tegar itu supaya dapat dikeluarkan daripada keadaan itu secara pembabitan mereka dalam projek pertanian yang dirancang nanti.

Mustapa yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani berkata, bagi fasa 1A ini, ia akan membabitkan kawasan Rantau Manis, Gua Musang dan pada peringkat awal 10 buah rumah akan dibina dengan sasaran 1,000 rumah bagi tempoh setahun. Katanya, peserta dari PPRT yang terbabit dalam projek ini akan diberikan tapak kediaman selain ladang untuk pertanian bagi diusahakan dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi mereka. "Bagi projek agropolitan kawasan utara, di jangka akan mula dilaksanakan apabila MTPN mendapat laporan lengkap daripada perunding yang ditugaskan membuat kajian mengenai kawasan berkenaan, selesai," katanya.

17/12/2008 (Rabu)

Penangguhan beli Eurocopter wajar dipertimbang: PAC

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengesyorkan supaya kerajaan menimbang semula keputusan penangguhan pembelian helikopter Eurocopter EC-725 memandangkan helikopter Nuri yang digunakan sekarang mempunyai beberapa kekangan. PAC dalam kenyataan diedarkan kepada pemberita di Parlimen semalam, menyatakan keputusan penangguhan pembelian helikopter bernilai RM1.604 bilion itu perlu ditimbang semula, walaupun PAC mengambil maklum pesawat Nuri selamat digunakan sehingga 2015.

Kenyataan bertajuk, 'Pandangan Dan Syor Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara, Pembelian Helikopter Eurocopter EC725' itu memperakukan adalah menjadi keperluan pertahanan negara untuk mempunyai helikopter yang mampu memenuhi keperluan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan negara. Pada 28 Oktober lalu, kerajaan mengumumkan penangguhan pembelian Eurocopter EC-725 berikutan krisis kewangan global. Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, keputusan itu dibuat Majlis Ekonomi Kebangsaan yang dipengeruskannya pada 13 Oktober lalu. Bagaimanapun, Abdullah berkata, PAC diberi peluang untuk memperhalusi perkara yang berkaitan dengan cadangan pembelian Eurocopter berkenaan.

PAC dalam kenyataannya melahirkan rasa kurang senang dengan ketiadaan penerbangan ujian dan penilaian fizikal dilakukan secara khusus ketika proses penilaian pembelian 12 helikopter Eurocopter EC-725 itu. Sehubungan itu, ia mengesyorkan Kementerian Pertahanan memberi perhatian terhadap keperluan penerbangan ujian dan penilaian fizikal bagi perolehan pesawat pada masa depan.

PAC juga mengesyorkan supaya TUDM membuat pemantauan dan pemeriksaan rapi sepanjang proses penyiapan Eurocopter EC-725, dan Kementerian Pertahanan hendaklah memastikan setiap bayaran dibuat selaras dengan kemajuan kerja dan memastikan pemeriksaan sebelum penyerahan, ujian dan pentauliahan dilakukan sebelum bayaran akhir dibuat. Bagi memastikan dokumen kontrak perolehan helikopter itu mengandungi syarat yang boleh menjamin kepentingan kerajaan, PAC mengesyorkan supaya Kementerian Pertahanan mendapatkan pandangan Peguam Negara sebelum ia ditandatangani.

PAC juga mendapati proses perolehan Eurocopter EC-725 dibuat selaras dengan prosedur perolehan sedia ada dan selaras dengan garis panduan yang diterima pakai oleh Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik mengenai perolehan kerajaan. Bagaimanapun, bagi memastikan ada nilai bagi wang dibelanjakan, PAC mengesyorkan supaya Panel Penilaian Bebas ditubuhkan untuk memberi nasihat terhadap perolehan itu, dengan ahli panelnya pakar dalam bidang berkaitan. PAC juga berkata, ia tidak dapat menentukan sama ada kos pembelian Eurocopter EC-725 mahal atau sebaliknya jika dibandingkan dengan pembelian negara lain.

18/12/2008 (Khamis)

Timur: KPDNHEP periksa stesen minyak

KOTA BHARU: Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ewal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan semalam, melancarkan gerakan pemeriksaan mengejut terhadap lebih 150 stesen minyak seluruh negeri ini bagi memastikan pengusahanya mematuhi arahan menurunkan harga bahan bakar itu selaras keputusan kerajaan. Pengarah KPDN&HEP negeri, Che Halim Abd Rahman, berkata operasi dan pemeriksaan terhadap semua stesen minyak itu juga bertujuan memastikan setiap stesen terbabit menyediakan bekalan mencukupi untuk keperluan pengguna di seluruh negeri ini.

"Kita bimbang mungkin ada segelintir pengusaha minyak yang cuba menyorokkan bekalan berikutan pengumuman kerajaan menurunkan harga runcit petrol RON97 kepada RM1.80 seliter manakala bagi RON92 dan diesel RM1.70 seliter. "Pemeriksaan turut dijalankan terhadap beberapa stesen minyak luar bandar seperti Jeli dan Tanah Merah, selain di kawasan jarak kira-kira 15 kilometer dari sempadan negara jiran," katanya di sini, semalam.

Dalam pemeriksaan terhadap stesen minyak di Jalan Kebun Sultan, dekat sini, tiga pegawai agensi itu membuat pemeriksaan bagi memastikan bekalan bahan bakar itu mencukupi, selain penurunan harga pada skrin pam minyak selaras dengan harga dibeli pengguna.

Che Halim berkata, semua pengusaha stesen perlu memastikan bekalan mencukupi dan kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan mereka berdepan tindakan tegas. Akhbar semalam, melaporkan harga runcit petrol dan diesel turun 10 sen lagi menjadikan harga petrol RON97 kini RM1.80 seliter, manakala petrol RON92 dan diesel RM1.70 seliter. Penurunan kali kedua bulan ini dan ketujuh sejak dinaikkan berikutan penyusunan semula subsidi minyak pada 5 Jun lalu juga menjadikan harga runcit petrol RON97 12 sen lebih rendah berbanding RM1.92 seliter iaitu paras sebelum dinaikkan 78 sen kepada RM2.70 seliter.

18/12/2008 (Khamis)

Timur: Tujuh anak syarikat kerajaan negeri rugi

Oleh Baharom Bakar bhkt@bharian.com.my

KUALA TERENGGANU: Lebih tujuh anak syarikat kerajaan negeri termasuk Golden Pharos Bhd mengalami kerugian lebih RM80 juta dalam tempoh empat tahun sejak 2005. Menteri Besar, Datuk Ahmad Said, berkata bagi mengelakkan kerajaan negeri berterusan menanggung kerugian, anak syarikat yang tidak berdaya saing akan ditutup manakala rombakan pengurusan terpaksa dilakukan terhadap anak syarikat yang berdaya saing.

Katanya, antara anak syarikat yang mengalami kerugian ialah Syarikat Yayasan Terengganu Yayasan Islam Terengganu Sdn Bhd (YT-YIT), Sutera Semai Sdn Bhd, Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu dan Golden Pharos Bhd. "Kita memutuskan menutup syarikat yang tidak berdaya saing manakala yang berdaya saing akan dikekalkan, tetapi rombakan pengurusan termasuk pengerusi dan ahli lembaga pengarah terpaksa dilakukan.

"Kerajaan negeri juga seboleh-bolehnya tidak mahu anak syarikat kerajaan negeri berterusan menanggung kerugian dan kaedah terbaik akan kita lakukan menyusun semula pengurusan anak syarikat yang didapati berdaya saing dan mampu mencatatkan keuntungan," katanya menjawab soalan dikemukakan Datuk Seri Abdul Hadi Awang (Pas-Rhu Rendang) pada Persidangan Dewan Undangan negeri (Dun), di sini, semalam.

Dalam perkembangan lain, Ahmad berkata, kerajaan negeri akan membina rumah pangsa tiga tingkat yang dilengkapi dengan tiga bilik tidur, dua bilik air dan ruang tamu yang mampu menampung 120 keluarga di Kampung Cerong Binjai, Chendering, di sini, tahun depan. Katanya, pelan reka bentuk rumah itu sudah siap dilakukan dan pembinaan rumah pangsa akan menempatkan 120 keluarga yang terbabat dengan hakisan ombak di Pantai Pandak akan dilaksanakan awal tahun depan.

"Kerajaan negeri mengeluarkan peruntukan kira-kira RM2.1 juta untuk pengambilan balik tanah milik individu seluas 3.17 hektar tidak termasuk peruntukan untuk menimbus kawasan sebanyak kira-kira RM2.1 juta, selain bayaran pampasan kepada penduduk berjumlah RM490,000. "Secara keseluruhan kerajaan negeri dijangka membelanjakan kira-kira RM4.2 juta untuk menyediakan tempat tinggal lebih selesa kepada 120 keluarga yang kediaman mereka terbabat dengan hakisan," katanya menjawab soalan Dr Syed Azman Syed Ahmad (Pas-Batu Burok).

Ahmad berkata, sementara rumah pangsa itu siap dibina, 75 daripada 120 keluarga tinggal di Desa Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) yang mana kos sewa kediaman ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan.

Menjawab soalan tambahan Syed Azman, mengenai kediaman dua bilik yang disediakan untuk mangsa hakisan ombak di desa YPKT kurang sesuai dan sempit, Ahmad berkata, kerajaan bersedia dan memberi jaminan mempertimbangkan rumah lain kepada ahli keluarga mangsa jika ada permohonan dibuat dan bergantung kepada kekosongan rumah.

"Kita tidak lari untuk menghadiri majlis dialog dianjurkan Jawatankuasa Bertindak seperti yang didakwa, sebaliknya tiada sepuckupun surat undangan diterima, ..saya sudahpun mengadakan lawatan serta pertemuan dengan penduduk di kawasan berkenaan dua minggu lalu," katanya ketika menepis dakwaan Syed Azman yang mengatakan Ahmad tidak memberi jawapan dan tidak memenuhi undangan majlis dialog yang dianjurkan jawatankuasa bertindak penduduk Pantai Pandak.

18/12/2008 (Khamis)

Selatan: Guna jalan rosak sejak 10 tahun

Oleh Jamaludin Husin bhnews@bharian.com.my



KEADAAN permukaan jalan masuk ke Kampung Pengkalan Besar yang rosak ditambah dengan batu kerikil.

TANGKAK: Lebih 200 penduduk Kampung Pengkalan Besar, Ledang, di sini, berdepan dengan bahaya kemalangan jalan raya, berikutan jalan masuk ke kampung itu mengalami kerosakan teruk sejak 10 tahun lalu. Jalan sepanjang kira-kira tiga kilometer menghubungi bandar Tangkak ke Pekan Bukit Kangkar itu, sering dilalui pelbagai kenderaan termasuk lori berat yang membawa bahan binaan dan hasil komoditi kelapa sawit, getah dan buah-buahan. Ketua Umno cawangan Kampung Pengkalan Besar, Ledang, A Majid Mahadi, berkata jalan itu juga dijadikan jalan pintas kenderaan pengangkutan awam, iaitu bas selain kenderaan pekerja dan bas sekolah.

Beliau berkata, keadaan permukaan jalan yang pecah dan berlubang turut membahayakan keselamatan pelajar yang menunggang motosikal serta berbasikal ke beberapa sekolah menengah di bandar Tangkak. "Sebahagian permukaan jalan yang pecah pula ditambah dengan batu kerikil yang menjadikannya lebih berbahaya kepada pengguna terutama pejalan kaki, penunggang motosikal dan basikal. "Selain permukaannya yang rosak, keadaan jalan itu juga sempit terutama laluan menghala ke kawasan pedalaman yang menimbulkan masalah kepada pemandu terutama ketika berselisih dengan kenderaan lain dari arah bertentangan," katanya.

Sehubungan itu, katanya, penduduk berharap jalan itu dinaikkan taraf daripada kelas C sekarang kepada kelas A selaras dengan pelaksanaan projek pembangunan arus perdana yang pesat dilaksanakan di seluruh negara sekarang. Peniaga kecil, Ibrahim Saadon, 45, berkata jalan Kampung Pengkalan Besar perlu dinaikkan taraf bagi memberi keselesaan kepada pengguna terutama peniaga yang sering berulang alik dari bandar Tangkak ke Pekan Bukit Kangkar. Katanya, jalan itu juga turut menjadi laluan utama penduduk di beberapa kampung pedalaman iaitu Paya Kepong, Kundang Teluk Rimba, Ban Hap sama ada ke Pekan Bukit Kangkar- Sungai Mati ke bandar Tangkak dan sebaliknya.

Tinjauan ke kampung itu mendapati, banyak bahagian permukaan jalan yang rosak termasuk berdekatan dengan kediaman penduduk dan bangunan sekolah kebangsaan sekali gus menimbulkan kesulitan kepada penduduk sama ada keluar berbelanja ke bandar Tangkak atau mengangkut hasil pertanian mereka.

19/12/2008 (Jumaat)

Utara: Projek dalam sungai jejas kediaman



BAHAGIAN dapur rumah Syed Shahron seolah 'tergantung' akibat kerja pembinaan tebing sungai.

IPOH: Seorang penduduk Kampung Kuala Pari, di sini, hidup kebimbangan berikutan kediamannya hampir roboh disebabkan kerja melebar dan mendalamkan Sungai Guntung sejak Disember, tahun lalu. Syed Shahron Syed Agil, 50, mendakwa beliau sekeluarga kebimbangan berikutan bahagian dapur rumahnya seolah-olah tergantung disebabkan runtuh tanah akibat kerja pembinaan tebing sungai dilakukan kurang semeter dari kawasan rumahnya.

"Setiap malam saya tidak tidur lena kerana bimbangkan keselamatan diri dan keluarga. Malah keadaan lebih teruk jika hujan kerana arus deras sungai boleh menghakis tanah di kawasan itu. "Saya sudah mengemukakan aduan kepada pihak Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) tetapi tiada tindakan sewajarnya. "Memang ada pegawai MBI yang membuat pemeriksaan tetapi saya masih menunggu tindakan selanjutnya sebelum sebarang kejadian tidak diingini berlaku," katanya ketika ditemui di rumahnya, semalam.

Beliau berkata, hakisan tanah semakin teruk sejak sebulan lalu disebabkan keadaan cuaca dan hujan berterusan. "Sebelum ini, kediaman saya memang sudah retak dan pihak MBI hanya menasihatkan membuat tampalan. Namun disebabkan hujan serta semua pokok yang berfungsi untuk menguatkan struktur tebing ditebang menyebabkan keadaan tanah semakin berbahaya. "Malah, ada kontraktor melemparkan kata-kata sinis iaitu kawasan itu adalah milik kerajaan.

Jadi, mereka bebas menjalankan sebarang projek tanpa mengira keselamatan penduduk," katanya yang kesal dengan kenyataan itu.

Syed Shahron berharap MBI mengambil tindakan drastik bagi menyelesaikan masalah itu sebelum kejadian tidak diingini berlaku. "Saya sudah membuat laporan polis sebagai langkah persediaan. Kini, terpulang kepada MBI mengambil tindakan seterusnya. Sepatutnya, MBI lebih prihatin dengan masalah seumpama itu kerana ia berisiko menyebabkan kehilangan nyawa. Masalah ini serius dan tidak sepatutnya dipandang ringan," katanya.

Selain itu katanya, dia berharap MBI memberikan notis pemindahan jika perlu bagi memudahkan sebarang urusan termasuk permohonan pampasan dan insurans jika kediamannya roboh.

19/12/2008 (Jumaat)

Utara: Maktab Perguruan Sri Pinang terbiar

Oleh Syed Ismail Syed Abu Bakar bhnews@bharian.com.my

GEORGETOWN: Maktab Perguruan Sri Pinang (MPSP) yang pernah menjadi pusat pendidikan perguruan di Jalan Sultan Ahmad Shah, di sini terus terbiar dalam keadaan menyedihkan sejak 10 tahun lalu. Tinjauan Berita Harian mendapati, bangunan tiga blok berhampiran Unit Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) itu terbiar begitu saja sehingga ditumbuhi semak samun sekali gus mencacatkan pemandangan.

Lebih membimbangkan berlaku beberapa kes kecurian barangan dan peralatan milik maktab, dipercayai pencuri yang memasuki kawasan itu dari bahagian belakang bangunan berkenaan. Walaupun ada dua pengawal keselamatan bertugas di bahagian depan, tugas mereka hanya mengawasi bangunan unit peperiksaan terbabit. Difahamkan, beberapa pegawai Kementerian Pelajaran datang menjalankan pemeriksaan sekali gus bercadang mengubah suai bangunan itu kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Al-Mashoor (Perempuan).

Bangunan itu yang sebelum ini menjadi asrama guru pelatih, dikosongkan sejak 10 tahun lalu selepas maktab perguruan terbabit berpindah di Recsam, Gelugor, dekat sini. Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Zainal Rahim Seman, berkata pihaknya bersedia menawarkan perkhidmatan membersihkan kawasan berkenaan jika diminta pemiliknya. "Saya difahamkan bangunan itu milik kerajaan Persekutuan dan mereka terpaksa menanggung kos pembersihan jika MPPP ditugaskan membersihkannya," katanya.

Keadaan maktab terbiar itu turut mendapat perhatian orang ramai yang mahu tindakan pemulihan bangunan itu dilakukan segera oleh pemiliknya. Siti Sham Kassim, 50, berkata keadaan itu bukan saja menyakitkan mata memandang kerana terletak di kawasan yang menjadi laluan pelancong, malah dibimbangi menjadi sarang pembiakan nyamuk dan haiwan

berbisa. "Pihak terbabit perlu menyegerakan proses menaikkan taraf bagi mengelakkan kawasan itu menjadi sarang nyamuk sehingga boleh mengancam kakitangan yang bertugas di bangunan bersebelahan," katanya.

19/12/2008 (Jumaat)

Timur: MB dakwa TV3 salah fakta isu anak syarikat rugi

Laporan Hanneeyzah Bariah Baharin hanneeyzah@bharian.com.my

KUALA TERENGGANU: Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu panas seketika semalam, apabila Menteri Besar, Datuk Ahmad Said mendakwa TV3 cuba menjatuhkannya dengan melaporkan fakta yang salah mengenai beberapa anak syarikat kerajaan negeri yang mengalami kerugian dalam slot Buletin Utama kelmarin. Beliau berkata, Buletin Utama yang melaporkan kenyataan bahawa tiga anak syarikat kerajaan negeri iaitu Golden Pharos Bhd, Permint Sutera Semai Sdn Bhd dan Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn Bhd akan ditutup adalah tidak benar.

"Ini syarikat ada kepentingan awam, saya tak mahu ulas panjang. Tetapi, semalam (kelmarin) TV3 salah lapor, kata saya nak tutup Golden Pharos... saya sedih. TV3 memang nak buat saya sokmo (selalu).. dari dulu lagi ada agenda. "Saya ingin jelaskan di dalam dewan ini, TV3 mempunyai niat jahat terhadap saya, termasuk ketika krisis pelantikan saya sebagai Menteri Besar (MB) dulu, keluar berita Badan Pencegah Rasuah (BPR) siasat Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kijal. Apabila Majlis Penasihat Pemangku Raja (MPPR) kata Ahmad dipilih sebagai MB, keluar pula berita Adun Kijal disiasat BPR. "Kemudian, apabila Majlis Tertinggi (MT) Umno mengesahkan Ahmad Said sebagai MB, keluar lagi saya warning (beri amaran) dia (TV3), kalau keluar lagi saya saman, sedangkan BPR tak pernah siasat saya berkenaan kes itu (enam projek termasuk tiga projek menambak tanah di Kemaman)," katanya ketika sesi soal jawab pada persidangan DUN di sini, semalam.

Serentak itu, Yang Dipertua DUN, Datuk Tengku Putera Awang mengesahkan bahawa laporan dikeluarkan TV3 mengenai kedudukan anak syarikat kerajaan negeri itu mengelirukan serta tidak selaras dengan kenyataan Ahmad dan meminta pihak media mengambil perhatian serius. Sambil menyatakan kekesalan dengan kesilapan laporan dan fakta mengenai isu terbabit, Ahmad menjelaskan, beliau cuma menyebut beberapa contoh anak syarikat yang mengalami kerugian dan menyatakan kemungkinan anak syarikat yang tidak menghasilkan keuntungan untuk jangka masa terlalu lama akan ditutup.

Bagaimanapun katanya, sebelum tindakan itu dilaksanakan, langkah pemulihan akan dilakukan dengan meletakkan semua entiti perniagaan milik kerajaan negeri di bawah 'Management Holding Company', iaitu Terengganu Incorporated (TI) serta menstruktur semula sistem pengurusan, garis panduan, dasar, mekanisme pemantauan dan kaedah yang selaras bagi menjana keuntungan kepada rakyat. Ahmad berkata, walaupun jumlah terkumpul untung rugi

anak syarikat terbabit menunjukkan kerugian, jumlahnya semakin berkurangan dan ia adalah satu perkembangan baik apabila jumlah untung bersih diperoleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dari 2004 hingga 2007 meningkat 17.68 peratus atau RM27.4 juta.

19/12/2008 (Jumaat)

Eurocopter EC725 Cougar ganti Nuri

Oleh Nik Sukry Ramli niksukry@bharian.com.my



Kemudahan canggih tingkat keyakinan ramai terhadap pesawat milik ATM

AKHIRNYA teka-teki pemilihan helikopter yang bakal menggantikan Sikorsky S61-A Sea King yang digunakan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sejak 1968 terjawab selepas Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan kerajaan sedang meneliti beberapa syarat sebelum menandatangani surat hasrat (LOI) secara rasmi dengan syarikat dari Eropah, Eurocopter, 26 September lalu.

Cadangan penukaran helikopter yang lebih dikenali sebagai Nuri itu dibuat Kabinet 18 Julai tahun lalu selepas penilaian dilakukan kerajaan, yang terpaksa menanggung kerugian sebanyak RM86.9 juta akibat 15 nahas membabitkan 70 anggota dan pegawai tentera selain 19 kematian sejak penggunaan Nuri, 40 tahun lalu. Suka atau tidak, satu perkara yang tidak dapat dinafikan, berita ini pastinya memberi kelegaan kepada ramai pihak. Lebih-lebih lagi, keluarga mereka yang terbabit kemalangan dan terkorban akibat Nuri.

Ramai mengakui terlalu banyak jasa Nuri. Bukan saja dalam aspek ketenteraan dan keselamatan serta ketenteraman awam, bakti Nuri melangkaui segala-galanya. Malah, antara kelengkapan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Nuri sejak digunakan paling banyak berjasa kepada negara, termasuk ketika menghadapi darurat. Penerbangan ihsan membawa pesakit tenat, jenazah, juga sudah pasti menjadi satu jasa yang tidak akan dilupakan khususnya oleh mereka yang menerima bakti itu. Namun, `usianya' yang lanjut, membuatkan ia tidak lagi cekap dan selamat. Kemalangan demi kemalangan berlaku yang bukan saja merugikan wang kerajaan, malah membuat ramai kehilangan insan tersayang.

Tender terbuka antarabangsa penggantian helikopter itu dibida enam syarikat pengeluar helikopter, antaranya Eurocopter dengan EC-725 Cougar; AgustaWestland (AW101); Boeing (CH-47F); Sikorsky (H-92 Superhawk); Rosoboronexport State Corporation Russia (Mi-17V-5) dan konsortium terdiri daripada Ke lowna Flightcraft Canada, Kazan Helicopter Plant Russia, BAE Systems dan SELEX Sensors and Airborne Systems menawarkan Mi-172KF.

Bagaimanapun, 23 April lalu empat model helikopter yang ditawarkan dalam bidaan itu disenarai pendek untuk penelitian peringkat akhir Kementerian Pertahanan dan akhirnya, helikopter keluaran syarikat Eurocopter, Eurocopter EC725 Cougar dilihat paling sesuai untuk membantu tugas yang selama ini dipikul Nuri. Eurocopter EC725 Cougar yang dibangunkan dalam keluarga besar Super Puma menggunakan teknologi Perancis digerakkan menggunakan dua enjin Turbomeca Makila 1A4.

Jentera ini yang mampu mencapai kelajuan maksimum 324 kilometer per jam (km/j) dan sering digunakan sebagai pesawat pengangkut serta tugas mencari dan menyelamatkan tepat untuk memenuhi aspirasi TUDM dan ATM menjadikan sistem pertahanan negara lebih efisien dan kompetitif. Selain itu, EC725 Cougar dilengkapi sistem radar pengesan dan Forward Looking Infra Red (FLIR) menjadikannya sebuah pesawat pelbagai guna terbaik bagi menjalankan penugasan operasi siang atau malam.

Helikopter ini mampu membawa 29 anak kapal bersama dua krew pengendali. Panjangnya 19.5 meter, tinggi 4.6 meter dan menggunakan lima bilah kipas utama berdiameter 16.2 meter. EC725 juga mampu membawa persenjataan tembakan sisi seperti dua laras 7.62 milimeter (mm) mesin gun pelbagai guna, sebuah meriam 20 mm serta boleh dipasang dua pelancar roket 68mm untuk tujuan pertahanan.

Helikopter ini juga memiliki sistem elektronik peperangan, termasuk sebuah radar penerima amaran, penerima amaran laser dan pemberi amaran pelancaran misil menjadikannya sebuah jentera lengkap untuk tugas tambahan bagi menyerang hendap musuh. Rekod penggunaannya sebelum ini juga boleh dibanggakan dan pernah digunakan dalam peperangan di Afghanistan (2007) dan operasi menyelamatkan di Lubnan pada 2006.

Isnin lalu, Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Abdul Aziz Zainal mengumumkan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) akan membeli kumpulan pertama lapan hingga 10 EC725 bagi menggantikan Nuri secara berperingkat. Secara keseluruhan, TUDM memerlukan 27 unit helikopter baru bagi menggantikan Nuri.

“Model EC725 memiliki ciri diperlukan untuk operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) serta utiliti,” katanya sambil menegaskan khidmat Nuri tidak dihentikan serta-merta kerana masih selamat beroperasi. Inilah yang diharapkan. Dengan kecanggihan dan segala sistem yang serba moden, EC725 mampu meningkatkan semula keyakinan ramai pada pesawat milik ATM. Namun, apa yang lebih penting, menjadi harapan EC725 mampu menggalas tugas lebih baik daripada Nuri, paling tidak pun setanding pesawat ini.

INFO: Nuri

KERAJAAN dilaporkan membeli 40 pesawat Nuri pada 1968 daripada Sikorsky Aircraft Corporation, Amerika Syarikat. pada awalnya, ia berperanan memberi bantuan logistik kepada Tentera Darat sebelum diperluaskan untuk operasi mencari, menyelamatkan dan bantuan kemanusiaan.

Helikopter Nuri itu, yang mula diperkenalkan di persada antarabangsa ketika Perang Vietnam yang berakhir pada 1975, menggunakan dua enjin General Electric berkuasa kuda 15,000 mempunyai kelajuan maksimum 220 km sejam. Helikopter pelbagai guna seberat 3,652 kilogram itu mempunyai kemampuan membawa 21 penumpang, termasuk tiga anak kapal. Keputusan menukar Nuri dengan helikopter baru dibuat berikutan banyak kemalangan berlaku membabitkan pesawat ini, sehingga mengorbankan nyawa.

Kronologi membabitkan nahas dan pendaratan cemas Nuri sejak 1969

- 25 April 1969 - Nahas pertama Nuri menyebabkan empat anggota TUDM terbunuh selepas pesawat itu terhempas di Kuching, Sarawak.
- 11 Mac 1972 - Empat anggota terbunuh apabila helikopter Nuri terhempas di Gambang, Pahang.
- 26 April 1976 - Sebelas krew dan penumpang terbunuh selepas helikopter Nuri ditembak komunis sebelum terhempas dalam hutan di Gubir, Kedah.
- 19 Julai 1980 - Sebuah helikopter Nuri terhempas di kawasan hutan dekat Ipoh, Perak tapi semua 18 penumpangnya terselamat.
- 25 April 1981 - Dua anggota TUDM terbunuh dan 13 cedera dalam nahas helikopter Nuri ketika ribut di 30 batu nautika dari Lapangan Terbang Kuching, Sarawak.
- 11 Julai 1981 - Sebuah helikopter Nuri terhempas di Batu Melintang, Perak, tapi semua 11 penumpang dan krew terselamat.
- 9 November 1989 - Nahas terbesar membabitkan Nuri, apabila 21 orang termasuk 15 anggota Pasukan Polis Hutan terbunuh selepas helikopter Nuri terhempas antara Gunung Gerah dan Gunung Bilah di sempadan Kelantan-Perak.
- 18 Disember 1989 - Helikopter Nuri terhempas berhampiran Sungai Lundu, Sarawak, mengorbankan 16 anggota Tentera Darat dan TUDM, termasuk Pegawai Pemerintah Markas Divisyen Kedua, Mej Jen Datuk Mustaffa Awang dan Pemerintah Briged Ketiga Infantri, Brig Jen Datuk Hasbullah Yussoff.

- 28 Ogos 1990 - Helikopter Nuri yang membawa sembilan orang dalam latihan pertunjukan udara sempena perayaan Hari Merdeka membuat pendaratan cemas di padang sekolah berhampiran Rawang, Selangor.
- 16 Januari 1991 - Helikopter Nuri dalam perjalanan dari Stesen TUDM Sungai Besi ke Kluang, Johor, terhempas ketika pendaratan kecemasan di sebuah estet di Kampung Parit Zin dekat Muar, Johor. Semua 12 anggota terselamat.
- 10 Jun 1991 - Enam anggota tentera terbunuh apabila helikopter Nuri terhempas dan meletup di kawasan operasi tentera di Banding, Perak kira-kira jam 5.20 petang.
- 11 Julai 1991 - Tujuh maut apabila helikopter Nuri terhempas ketika cuba mendarat di Banding, Perak.
- 16 Oktober 1996 - Dua terbunuh, tiga hilang, manakala dua lagi selamat selepas helikopter Nuri terhempas di perairan Muka Head, Pulau Pinang.
- 19 Mac 1997 - Seramai 11 anggota TUDM terbunuh apabila dua helikopter Nuri jenis Sikorsky S-61 terhempas berhampiran Gunung Lumaku, Sipitang, Sabah.
- 5 Mac 2004 - Dua anggota TUDM maut selepas helikopter Nuri terhempas di Taman Udara, Butterworth.
- 30 Mac 2004 - Tiga termasuk juruterbang terselamat apabila helikopter Nuri mendarat cemas di Bukit Kalam, kira-kira tujuh kilometer dari pusat bandar Labuan di Sabah, selepas mengalami masalah teknikal pada enjin sebaik berlepas dari Pangkalan TUDM Labuan.
- 15 Ogos 2004 - Sebuah helikopter Nuri dipercayai membawa 10 penumpang termasuk juruterbang dilaporkan hilang di kawasan Long Seridan tidak jauh dari Marudi, ketika dalam perjalanan dari Miri ke Ba'Kelalan, Sarawak.

20/12/2008 (Sabtu)

Tangguh swasta IJN

Oleh Wan Hazmir Bakar dan Abdul Razak Raaff bhnews@bharian.com.my



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak

Kajian teliti dilakukan demi kepentingan rakyat: Najib

PUTRAJAYA: Kabinet semalam menangguhkan keputusan berhubung cadangan pengambilalihan Institut Jantung Negara (IJN) oleh Sime Darby Bhd untuk membolehkan kajian mendalam dijalankan sebelum dimuktamadkan demi kepentingan rakyat.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kajian yang akan dilakukan Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) itu mungkin mengambil masa beberapa bulan.

"Oleh kerana cadangan ini sudah menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan masyarakat, maka penangguhan ini akan membolehkan kerajaan mengkajinya sedalam-dalamnya. "Ini supaya apa-apa keputusan yang kita buat nanti adalah keputusan yang tidak akan menimbulkan sebarang keraguan, terutama sekali dari segi masa depan IJN untuk menjalankan kewajipan sosial mereka," katanya pada sidang media di sini.

IJN diurus oleh IJN Holdings Sdn Bhd (IJN Holdings), iaitu syarikat milik penuh Kementerian Kewangan. Cadangan Sime Darby untuk mengambil alih 51 peratus ekuiti dalam IJN Holdings itu pada dasarnya dipersetujui kerajaan secara bersyarat. Bagaimanapun, beberapa pihak termasuk ahli politik membantah cadangan itu kerana bimbang institusi berkenaan tidak akan lagi memenuhi matlamat pengwujudannya.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menegaskan sebarang pengambilalihan IJN Holdings oleh Sime Darby jika dilaksanakan, mesti memastikan golongan berpendapatan rendah terus menikmati kadar bayaran rendah di IJN seperti diamalkan sekarang. Najib yang juga Menteri Kewangan, menjelaskan kerajaan hanya bersetuju pada dasarnya kepada cadangan Sime Darby dengan syarat tanggungjawab sosial IJN tidak akan dipinggirkan atau dikurangkan sama sekali.

Malah, katanya, kerajaan akan terus memberi sumbangan untuk pembedahan di IJN walaupun selepas pengambilalihan oleh konglomerat itu. "Maknanya kerajaan tidak akan mengabaikan atau mengorbankan tanggungjawab sosialnya sama sekali," katanya.

Najib menegaskan penangguhan keputusan berhubung cadangan pengambilalihan IJN Holdings itu tidak ada kena mengena dengan pilihan raya kecil Parlimen Kuala Terengganu bulan depan, sebaliknya untuk kepentingan rakyat. "Ia ditangguhkan sehingga kajian mendalam itu dijalankan, mungkin memakan masa beberapa bulan tetapi faktor masa itu bukanlah sesuatu yang penting.

"Apa yang lebih penting ialah keputusan yang akan dibuat nanti akan benar-benar menguntungkan rakyat dan dapat membangunkan IJN sebagai pusat jantung yang bertaraf dunia," katanya.

21/12/2008 (Ahad)

Kaedah baru PTK dikuat kuasa Januari

KUALA LUMPUR: Konsep, bentuk dan kaedah Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) sektor awam sudah dipinda dan akan dikuatkuasakan 1 Januari tahun depan bagi kepentingan kerjaya 1.2 juta kakitangan awam seluruh negara. Berikutan itu, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengeluarkan Surat Pekeliling Bilangan 19 Tahun 2008 Pengubahsuaian PTK dengan memuatkan Panduan Pelaksanaan PTK Yang Diubah Suai turut diedarkan kepada Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), minggu lalu. Presiden Cuepacs, Omar Osman, berkata melalui surat pekeliling terbaru itu, JPA turut memaklumkan semua tiga pekeliling berkaitan PTK dikeluarkan pada 2005 dan 2006 terbatal. Katanya, pengubahsuaian PTK itu antara lain akan memberi kuasa penuh kepada setiap jabatan kerajaan menentukan pelaksanaan kaedah penilaian bersesuaian bagi kakitangan mereka.

Beliau berkata, PTK sebelum ini berkonsepkan peperiksaan atau ujian bertulis semata-mata sehingga menimbulkan banyak bantahan di kalangan kakitangan awam, malah dikatakan ada kakitangan di negeri lain terpaksa ke Putrajaya hanya untuk menduduki satu kertas peperiksaan. Selain itu, katanya, soalan penilaian juga akan lebih fokus dengan membabitkan elemen kompetensi berkaitan bidang perkhidmatan kakitangan awam terbabit, sekali gus disifatkan lebih adil kerana bukan aspek menyeluruh seperti sebelum ini yang sering menjadi rungutan dan dikatakan antara faktor menjejaskan pencapaian mereka dalam PTK.

"Ini kerana ada kakitangan awam peringkat kolar putih yang bekerja di pejabat serta kolar biru yang membabitkan anggota berpakaian seragam seperti kastam dan bomba. Lebih ramai anggota kolar biru tidak mencapai aras empat (keputusan peperiksaan PTK) kerana tugas mereka lebih menjurus kepada fizikal. "Bukan mereka tidak membaca atau tidak pandai tetapi tidak ada masa (untuk membaca). Justeru dengan pindaan ini, Cuepacs berharap dapat

meringan atau meredakan keadaan tertekan apabila mengambil PTK. Malah, aspek pengalaman akan turut diambil kira dalam PTK yang diubah suai itu,” katanya pada sidang akhbar selepas program taklimat khas Majlis Kongres Cuepacs yang dihadiri kira-kira 200 pemimpin kesatuan.

Omar berkata, pemberian kuasa penuh kepada setiap jabatan kerajaan tidak akan menjejaskan standard dan kualiti PTK kerana penilaian tetap tertakluk kepada garis panduan dalam surat pekeliling dikeluarkan JPA, selain pemantauan pusat penilaian kompetensi masing-masing. Sambil menyifatkan pengubahsuaian itu sebagai komprehensif dan mengambil kira maklum balas Cuepacs berhubung isu PTK selama ini, beliau berkata, 120 kesatuan di bawah kongres terbabit akan membincangkan pengubahsuaian berkenaan pada peringkat kepimpinan masing-masing. Katanya, mereka diberi tempoh menyemak sehingga 10 Januari depan sebelum membentangkan keputusan menerima pengubahsuaian itu atau mahu penambahbaikan lagi terhadap PTK pada mesyuarat khas Majlis Kongres Cuepacs di Sungai Petani, Kedah, 10 Januari depan.

21/12/2008 (Ahad)

Rencana - Rakyat lega cadangan ambil alih IJN ditangguh

Oleh Rohaniza Idris roha@bharian.com.my



BANGUNAN Institut Jantung Negara.

Pusat rawatan perlu pertahan objektif penubuhan

PENGUMUMAN Sime Darby Bhd untuk mengambil alih 51 peratus ekuiti dalam IJN Holdings Sdn Bhd Rabu lalu, syarikat pengendali Institut Jantung Negara (IJN) yang terletak di Jalan Tun Razak bersebelahan Hospital Kuala Lumpur (HKL), mengundang persoalan dan keresahan terutama mengenai kebajikan rakyat berpendapatan rendah. Sime Darby menyatakan pengambilalihan itu bertujuan mengukuhkan bahagian perkhidmatan kesihatan konglomerat milik kerajaan itu. Berikutan itu, pengumuman penangguhan pengambilalihan kepentingan IJN oleh syarikat perladangan itu oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kelmarin, melegakan banyak pihak.

Mengikut pemahaman umum, pengambilalihan berkenaan dijangka menyebabkan kenaikan kos rawatan dan perkhidmatan yang meningkat seperti ditawarkan hospital swasta di negara ini. Walaupun ada berpendapat apa yang ditawarkan hospital swasta lebih baik daripada kerajaan, namun, bagi yang kurang berkemampuan, wang menjadi ukuran. Maka dengan itu, golongan berpendapatan rendah ini mengharapkan IJN bagi mendapatkan rawatan terbaik, termasuk pembedahan subsidi yang diberikan kerajaan.

Melihat kepada track record IJN, ia bukan hanya cemerlang memberikan rawatan berkaitan penyakit kardiovaskular di negara ini malah mencatat kejayaan dengan membuat beberapa rekod baru di peringkat antarabangsa. Ditubuhkan pada 1992 dan diurus IJN Holdings, iaitu syarikat milik penuh Kementerian Kewangan, ia dibangunkan bagi memenuhi keperluan pesakit jantung dengan menyediakan perkhidmatan kardiologi dan pembedahan kardiorasik untuk pesakit dewasa dan kanak-kanak. IJN juga menjadi pusat rujukan kebangsaan bagi penyakit kardiovaskular. Sejak ditubuhkan, institut itu menerima lebih sejuta pesakit dengan 131,000 pesakit dirawat di wad dan dalam tempoh 16 tahun, 35,000 pembedahan dijalankan dan daripada jumlah itu, 24,000 membabitkan kes pembedahan jantung terbuka.

IJN juga mencatat kejayaan pada peringkat antarabangsa dalam melakukan pembedahan endoskopi yang pertama di rantau Asia dan Australasia bagi merawat fibrilasi atrium. Kejayaan IJN disusuli apabila ia menjadi satu-satunya pusat rawatan jantung di Asia Pasifik yang terpilih untuk pelancaran secara langsung prosedur kardiologi intervensi pada Persidangan Euro Pcr05 yang berprestij di Paris, Perancis dan menjadi institut pertama di dunia melakukan pembedahan jantung insisi poket yang menggunakan pembaikan atau penggantian injap mitra port jantung.

Melihatkan kejayaan IJN, sudah tentu ramai yang mengintai peluang untuk memilikinya sebagaimana dihasratkan Sime Darby yang kini memiliki Pusat Perubatan Pakar Subang Jaya (SJMC). Kebimbangan dan kekhawatiran rakyat berkenaan pengambilalihan berakhir kelmarin dan ramai yang memuji kerajaan kerana prihatin dengan nasib rakyat terutama golongan yang kurang berkemampuan. Ada suara nakal menyatakan keputusan kerajaan itu ada kaitan dengan pilihan raya kecil Kuala Terengganu, Januari depan bagi meraih sokongan rakyat kepada Barisan Nasional (BN).

Namun, ia disangkal Najib kerana pertimbangan kerajaan mengenai penangguhan pengambilalihan itu mengambil kira kesulitan dan rintihan rakyat. Najib yang juga Menteri Kewangan menegaskan penangguhan keputusan berhubung cadangan pengambilalihan IJN Holdings itu tidak ada kena mengena dengan pilihan raya kecil Parlimen Kuala Terengganu bulan depan, sebaliknya untuk kepentingan rakyat.

"Ia ditangguhkan sehingga kajian mendalam itu dijalankan, mungkin memakan masa beberapa bulan tetapi faktor masa itu bukanlah sesuatu yang penting. "Apa yang lebih penting ialah keputusan yang akan dibuat nanti akan benar-benar menguntungkan rakyat dan dapat membangunkan IJN sebagai pusat jantung yang bertaraf dunia," katanya

Mengimbau persetujuan kerajaan terhadap pengambilalihan Sime Darby itu, ia dengan syarat tanggungjawab sosial IJN tidak dipinggirkan atau dikurangkan sama sekali. Malah, kerajaan memberi jaminan akan terus memberi sumbangan untuk pembedahan di IJN, walaupun selepas pengambilalihan oleh konglomerat itu. Selain itu, pada mata kerajaan tiada salahnya mengenai penswastaan IJN kerana sebarang kemungkinan akan berlaku 10 tahun akan datang terutama jika jumlah pesakit jantung semakin meningkat dan institusi itu tidak lagi boleh berperanan sebagai biro pengaduan pesakit miskin.

Suara menentang pengambilalihan itu diluahkan pelbagai pihak persatuan perubatan serta badan bukan kerajaan (NGO) yang berpendapat status pusat perubatan itu dikekalkan bagi memastikan objektif asal penubuhannya bagi mewujudkan pusat perubatan kerajaan dengan kemudahan serta pakar kelas pertama bertujuan merawat semua golongan rakyat, tidak tersasar. Mereka yang nyata gembira dengan keputusan terbaru kerajaan itu mahu kerajaan bukan hanya menangguhkan tetapi membatalkan terus hasrat menswastakan IJN.

Ketua Eksekutif Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata kerajaan seeloknya membatalkan terus hasrat menswastakan IJN demi kepentingan rakyat. “Usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan dan rawatan IJN bukan terletak kepada penswastaan semata-mata. Ada cara lain lebih baik serta memberi manfaat kepada penerima rawatan di institut berkenaan terutama golongan miskin,” katanya.

Perkara itu diakui Presiden Persatuan Perubatan Doktor Utama Malaysia (Pcdom), Dr Molly Cheah yang percaya tindakan menswastakan IJN hanya mengundang keresahan di kalangan rakyat untuk mendapatkan rawatan terbaik pada kos yang tidak membebankan.

“Persoalannya mengapa Sime Darby Berhad tiba-tiba berminat kepada sektor kesihatan sedangkan kepakaran syarikat berkenaan bukannya dalam sektor ini. Ini menimbulkan kekeliruan sama ada tindakan Sime Darby ini sebenarnya didorong daripada industri pelancongan kesihatan yang semakin berkembang pesat khususnya di rantau ini,” katanya yang lega apabila penswastaan itu ditangguhkan.

Presiden Cuepacs, Omar Osman menyatakan kerajaan prihatin dengan nasib rakyat kerana menangguhkan penswastaan berkenaan. “Ini membuktikan kerajaan meneliti semula objektif penubuhan institut ini, memberi rawatan berkualiti tinggi dengan kos tidak membebankan kepada golongan rakyat tidak berkemampuan,” katanya.

Berikutan keputusan kerajaan menangguhkan keputusan itu, Dekan Fakulti Ekonomi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Mohd Fauzi, Jani berkata kerajaan mengambil keputusan bijak kerana IJN adalah institusi tunggal yang menawarkan perkhidmatan kesihatan berkaitan penyakit kardiovaskular dan seumpamanya. Justeru, katanya kerajaan mengambil kira wujud monopoli dan apabila diswastakan ia akan menyebabkan syarikat yang mahu mengambilalih IJN akan memikirkan keuntungan berbanding tanggungjawab sosial. “Itu sebab kerajaan menyatakan menangguhkan cadangan pengambilalihan bukannya membatalkan terus hasrat menswastakan institusi berkenaan,” katanya.

Beliau berkata, keputusan awal untuk menswastakan IJN adalah kerana memikirkan bebanan yang ditanggung akibat permintaan terhadap IJN yang semakin bertambah setiap tahun. Katanya, kerajaan percaya penswastaan itu penting apabila mereka tidak lagi mampu menanggung kos perkhidmatan kesihatan yang diberikan sebagaimana berlaku dalam penswastaan hospital. “Kira-kira 15 tahun lalu, kerajaan mula membuka polisi membenarkan hospital diswastakan dan penubuhan hospital swasta bagi mengurangkan kos kerajaan. Namun, bukan semua hospital di swastakan kerana masih mengambil kira golongan rakyat berpendapatan rendah.

“Maka, kini di Malaysia ada dua perkhidmatan kesihatan iaitu satu dimiliki kerajaan dan satu lagi swasta. Bagi mereka yang mempunyai pendapatan besar dan berkemampuan, sudah tentu mahukan perkhidmatan eksklusif dan cepat yang menuntut mereka memilih hospital swasta.

“Bagi golongan berpendapatan rendah, mereka masih terus menikmati perkhidmatan kesihatan percuma atau bayaran serendah RM1, menerusi klinik kesihatan komuniti dan hospital kerajaan,” katanya.

Pendapat yang sama turut dinyatakan mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang menyatakan penswastaan itu bukan satu idea yang baik memandangkan institut itu “adalah badan amal yang unik” berdasarkan kepada prestasinya yang cemerlang setakat ini.

“Setakat ini tiada aduan mengenai IJN. Mereka sudah menunjukkan prestasi cemerlang. Berkhidmat kepada yang kaya dan miskin. Semua orang mendapat manfaat daripada IJN termasuk saya sendiri,” katanya.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Datuk Dr Khoo Kah Lin mengalu-alukan keputusan terbaru kerajaan menangguhkan pengambilalihan IJN dan mahu kerajaan mendapatkan maklum balas serta pandangan orang ramai dan NGO sebelum membuat sebarang keputusan. “Kami bimbang apabila syarikat swasta ambil alih, kebajikan golongan miskin akan ditekankan dan mereka mungkin tidak mendapat rawatan perubatan pada kadar rendah. Kami prihatin kerana pada akhirnya dalam apa juga keadaan, perkara pokok adalah membuat untung kerana mereka perlu menjawab kepada pemegang saham, mereka tidak boleh mencatat kerugian. “IJN adalah mutiara bagi pesakit jantung di negara ini... ia senang didekati pesakit jantung yang miskin,” katanya.

Mengenai desakan dalaman terutama kakitangan IJN yang mahukan penswastaan diteruskan, bagi membolehkan mereka mendapat gaji lebih tinggi dan pakar perubatannya akan meninggalkan hospital berkenaan jika permintaan supaya gaji mereka dinaikkan tidak dipenuhi adalah taktik sengaja direka pihak berkepentingan yang sebenarnya mahu pengambilalihan menjadi kenyataan. IJN dalam kenyataannya kelmarin menafikan dakwaan berkenaan dan tidak mahu pandangan negatif dilemparkan terhadap kakitangan. “Ia perlu diperbetulkan supaya pakar perubatan atau kakitangan IJN tidak dipandang serong masyarakat tempatan mahupun antarabangsa, apatah lagi ia mampu menjatuhkan reputasi cemerlang mereka, di samping menggugat keyakinan rakyat,” katanya.

23/12/2008 (Selasa)

Sentral: Projek rentas Bukit Putus, kampus UiTM diteruskan

Oleh Hussain Said bhnews@bharian.com.my

Kegawatan ekonomi tak jejas 2 pembinaan kos RM260j

KUALA PILAH: Kerja membina jalan baru di daerah ini merentangi Jalan Bukit Putus dan kampus Universiti Teknologi Mara (UiTM), bernilai kira-kira RM260 juta tidak akan ditangguhkan walaupun keadaan ekonomi tidak menentu ketika ini. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen Kuala Pilah, Datuk Hasan Malek, berkata kedua-dua projek yang sedang rancak dijalankan itu akan tetap diteruskan sehingga ia siap sepenuhnya.

"Saya beri jaminan kerja kedua-dua projek itu tidak akan ditangguhkan, ia akan diteruskan sehingga siap sepenuhnya. Apatah lagi, kedua-dua projek ini sudah lama tertangguh. "Jaminan ini juga sebagai membalas kepercayaan penduduk di daerah ini yang terus mengundi dan memilih calon Barisan Nasional (BN) di semua lima kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen pada pilihan raya umum lalu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Bersama Rakyat di Kampung Air Putih di Jemapoh, Juasseh, dekat sini, semalam.

Hasan yakin apabila kedua-dua projek itu disiapkan ia mampu menjadi pemangkin kepada perubahan pembangunan landskap dan pertumbuhan ekonomi daerah itu, sekali gus memberi manfaat kepada penduduk. Selain dua projek itu, katanya, kerajaan juga bercadang melaksanakan pelbagai projek lain seperti memperluaskan jalinan lebuh raya baru yang akan disambung sehingga ke Temerloh dan pembukaan sebuah kem tentera di Senaling serta pembinaan kolej jururawat baru.

Selepas beberapa kali tertangguh, pembinaan kampus tetap UiTM berharga RM150 juta di Kampung Beting, Parit Tinggi, dimulakan dengan majlis perasmian pecah tanah disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pertengahan tahun lalu. Projek yang dijangka siap awal 2009 itu boleh menempatkan sehingga 2,000 pelajar dengan kursus perintis Sains Gunaan, sekali gus menggantikan kampus sementara di Jalan Melang, dekat sini.

Projek membina jalan baru bernilai RM110 juta merentangi Jalan Bukit Putus yang tertangguh hampir dua dekad pula dijadualkan siap Mei tahun depan.

23/12/2008 (Selasa)

Ekovest kemuka tender projek bernilai RM5 bilion

EKOVEST Bhd sudah mengemukakan tender bagi projek bernilai antara RM3 bilion dan RM5 bilion di negara ini, kata Naib Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Lim Kang Hoo. Beliau berkata, kebanyakan tender ialah bagi projek berkaitan kerajaan.

Ekovest kini mempunyai kontrak dalam tangan bernilai RM600 juta termasuk projek pembinaan fasa baru Universiti Malaysia Sabah dan dua kontrak dengan Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia.

Lim berkata, projek yang sedang berjalan itu dijangka menyediakan pekerjaan kepada kumpulan itu selama tiga tahun. Mengenai projek di seberang laut, katanya, syarikat itu sudah berbincang dengan rakan usaha sama berpotensi bagi pembangunan hartanah di Vietnam dan Indonesia.

“Kami mencari tempat yang hampir dengan usaha seumpama itu. Kami fikir ia adalah masa tepat untuk mengkajinya, terutama pada harga sedang menurun,” katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di Kuala Lumpur, semalam.

Ekovest meneroka ke India melalui projek pembangunan lebuh raya di negara itu tiga tahun lalu. Mengenai cadangan urusan pembangunan bercampur berkaitan dengan Pembangunan Danga Bay Waterfront City, yang tergendala disebabkan keadaan pasaran ekuiti yang tidak memuaskan, Lim berkata, syarikat itu masih meninjau langkah bagaimana untuk menyertainya.

Ketika ini, katanya, Ekovest sedang menimbangkan usaha sama dengan pihak lain atau melalui pelaburan langsung. Tahun lalu Ekovest mengambil alih Danga Bay Holdings Sdn Bhd pada harga RM1.1 bilion. - Bernama

24/12/2008 (Rabu)

Perak tiada hak

Oleh Wan Hazmir Bakar dan Mohd Feroz Abu Bakar bhnews@bharian.com.my

Pemilikan tanah kekal tak boleh diberi sembarangan

PUTRAJAYA: Hak milik tanah pegangan kekal tidak boleh sewenang-wenangnya diberi kepada penduduk Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) dan Kampung Baru tanpa persetujuan Majlis Tanah Negara. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menegaskan, Dasar Tanah Negara menetapkan pegangan tanah secara kekal hanya boleh diberi bagi maksud kegunaan Kerajaan Persekutuan, awam dan keadaan istimewa yang terhad.

Berikutan itu, katanya, cadangan kerajaan Perak untuk memberi hak milik tanah pegangan kekal kepada penduduk RPT dan kampung baru di negeri itu tidak boleh dilaksanakan sehingga Majlis Tanah Negara membuat keputusan. "Dari segi dasar dan Perlembagaan Persekutuan, ia tidak boleh dibuat secara sendiri, tetapi mesti melalui Majlis Tanah Negara. "Sebagaimana kita sedia maklum, Majlis Tanah Negara diwujudkan mengikut Perlembagaan Persekutuan untuk menyelaraskan Dasar Tanah Negara supaya wujud keseragaman antara negeri," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat ke-23 majlis itu di sini, semalam.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin, turut menghadiri mesyuarat itu. Najib berkata, perkara itu dibangkitkan pada mesyuarat berkenaan tetapi Majlis Tanah Negara membuat keputusan untuk mengadakan mesyuarat khas tidak lama lagi bagi membincangkan kertas kerja berhubung cadangan kerajaan Perak itu.

Sebelum ini, Mohammad Nizar berkata, pemberian hak milik tanah pegangan kekal itu akan diberi secara berperingkat kepada 110,000 pemilik iaitu 60,000 di RPT dan 50,000 Kampung Baru membabitkan kawasan seluas 6,000 hektar. Ditanya alasan yang diberi kerajaan Perak untuk berbuat demikian, Timbalan Perdana Menteri berkata: "Dia ada alasan, tetapi apa-apa pun tidak boleh bertentangan dengan Dasar Tanah Negara yang diputuskan oleh majlis."

Najib berkata, Majlis Tanah Negara juga bersetuju mengembangkan pelaksanaan e-tanah di Negeri Sembilan dan Melaka mulai tahun depan selepas projek perintis di Pulau Pinang. "Sekiranya projek ini memberi kesan dan manfaat yang besar, ia akan diperluaskan ke seluruh negara," katanya.

Sementara itu, Exco Kanan Perak, Datuk Ngeh Koo Ham bertegas menyatakan cadangan kerajaan negeri itu mematuhi Dasar Tanah Negara dan boleh dilaksanakan. "Kita ada kriteria yang dipanggil sebagai 'keadaan khas' untuk meluluskan pegangan sedemikian," katanya kepada pemberita di Ipoh.

24/12/2008 (Rabu)

Pembangunan boleh diterus

WALAUPUN kawasan Bukit Tinggi, Pahang dan sekitarnya sering mengalami kejadian gempa bumi kecil, aktiviti pembangunan sosioekonomi masih boleh diteruskan di kawasan itu, Dewan Negara diberitahu. Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Senator Datuk Maznah Mazlan, berkata pembangunan itu termasuk cadangan pembinaan terowong sepanjang 44.5 kilometer merentasi Banjaran Titiwangsa untuk projek penyaluran air mentah Pahang ke Selangor. "Perancangan guna tanah dan reka bentuk kejuruteraan mesti mengambil kira faktor gempa bumi yang sudah berlaku dan kemungkinan akan berlaku pada masa hadapan seperti diamalkan oleh negara yang berhadapan dengan bencana gempa bumi seperti Indonesia, Filipina, Jepun, China dan Iran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Senator Datuk Roslan Awang Chik yang ingin tahu sama ada projek penyaluran air mentah itu akan memburukkan lagi tahap gegaran gempa di kawasan itu. Maznah berkata, kejadian gempa bumi kecil di Bukit Tinggi mula dikesan sejak 30 November tahun lalu dan terakhir berlaku pada 25 Mei lalu yang jumlahnya sebanyak 20 kali.

"Kekuatan gempa bumi yang direkodkan setakat ini adalah berjalat dari 2.5 hingga 3.5 magnitud pada skala Richter iaitu kelas gempa bumi kecil, manakala kekuatan gempa yang dirasakan ialah antara I hingga IV pada Skala 'Modified Mercalli Intensity' iaitu termasuk dalam kelas gegaran lemah," katanya. - Bernama

24/12/2008 (Rabu)

YDP Angkasa mahu siasatan dipercepat

Oleh Magendran Rajagopal magendran@bharian.com.my

Kes 2 anggota Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan salah guna kuasa, seleweng dana koperasi

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) diminta mempercepatkan siasatan salah guna kuasa dan penyelewengan kewangan dalam Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) membabitkan dua ahli Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan (JKT) Angkasa demi melindungi aset lebih RM3.5 bilion milik koperasi itu.

Yang Dipertua (YDP) Angkasa, Prof Diraja Ungku Aziz, berkata tindakan susulan terhadap laporan yang dibuat kepada SKM pada 28 Oktober lalu itu tidak wajar dilengahkan kerana mengundang pelbagai risiko terhadap urusan kewangan Angkasa yang mengendalikan transaksi purata RM20 juta sehari.

"JKT memutuskan untuk menyiasat isu kegagalan mematuhi syarat pengurusan kewangan dan pentadbiran dalam Angkasa seawal 25 Januari lalu dan hasil siasatan sudah diserahkan kepada SKM pada 28 Oktober lalu tetapi setakat ini tiada maklum balas atau reaksi yang munasabah daripada pihak berkuasa. "Malah, wujud pula konspirasi yang menyaksikan saya dipecat daripada jawatan YDP Angkasa pada 24 Mac lalu tetapi tidak diiktiraf SKM, yang memerintahkan JKT Angkasa mengembalikan jawatan lama saya, berkuat kuasa 5 Mei lalu.

"Walaupun siasatan masih dijalankan, saya khuatir pihak berkuasa tidak dapat menyiapkannya sebelum Persidangan Tahunan Angkasa diadakan 10 Januari depan dan bertindak mendedahkan kontroversi terbabit menerusi kenyataan ini," katanya pada sidang media, di sini semalam. Difahamkan, dua anggota JKT yang dikaitkan dengan isu penyelewengan pengurusan kewangan dan salah laku dalam Angkasa itu masih kekal memegang jawatan lama mereka dan masih boleh mempertahankan kedudukan masing-masing pada pemilihan JKT akan datang.

Selain itu, kata Ungku Aziz, sesetengah ahli JKT turut menyeleweng elaun antara RM15,000 hingga RM25,000 seorang dalam tempoh beliau dipecat sebagai YDP Angkatan antara 24 Mac hingga 5 Mei lalu dan Pemangku YDP mengambil alih jawatannya. Bagaimanapun, beliau enggan mendedahkan identiti ahli JKT terbabit, termasuk dua yang dikaitkan dengan dakwaan salah guna kuasa dan penyelewengan kewangan. Sebaliknya, beliau mencadangkan siasatan disegerakan terhadap Jawatankuasa Kewangan dan Jawatankuasa Biro Perkhidmatan Angkatan (JBPA), membabitkan aspek pengumpulan data, penyelewengan pentadbiran, kegiatan pemalsuan dan pelanggaran peraturan, khususnya dalam permohonan pinjaman.